

## BATU PERMATA YANG PERLU DIGILAP

Oleh

**Jimmy Achaw**

Sekolah Kebangsaan Parun Suan,  
94750 Serian, Sarawak

### **Abstrak**

*Kajian ini dijalankan setelah saya mendapati bahawa seorang daripada murid Tahun Lima Wawasan langsung tidak dapat **membundarkan angka kepada puluh, ratus, ribu, puluh ribu, ratus ribu dan juta**. Murid ini diberi nama Tambuk (nama samaran). Dia mengalami kesukaran mengenal pasti nilai tempat dan kemahiran asas tambah dengan mengumpul semula. Kajian ini dibuat bertujuan untuk membantu Tambuk menguasai kemahiran asas tambah dan membundarkan angka kepada puluh, ratus, ribu, puluh ribu, ratus ribu dan juta. Tambuk amat lemah dalam mata pelajaran Matematik. Ini membawa impak yang amat besar sehingga minatnya dalam mata pelajaran Matematik terhakis. Oleh yang demikian, saya telah mencuba satu program khusus khas untuk membantu Tambuk. Program ini bertujuan untuk memulih Tambuk agar dapat menguasai kemahiran asas matematik selain untuk menambahkan minatnya dalam mata pelajaran tersebut. Di akhir program ini, Tambuk telah berjaya membundarkan angka kepada puluh, ratus, ribu, puluh ribu, ratus ribu, dan juta. Tambuk juga telah semakin berminat dalam mata pelajaran Matematik. Hasil kerjanya semakin bertambah maju dan bermutu.*

### **PENGENALAN**

SK Sitaged terletak 25 km dari bandar Serian. Sekolah ini mempunyai enam buah bilik darjah yang agak usang dan serba kekurangan. Namun kekurangan dari segi fizikal dan prasarana tidak bermakna bahawa aktiviti berkesan dan pembangunan insane yang seimbang tidak perlu dijalankan dengan sempurna. Sekolah ini mempunyai enrolmen murid seramai 190 orang. Sekolah ini mula beroperasi sejak tahun 1960-an lagi. Justeru, sekolah ini telah banyak mengukir sejarah kemajuan dan kemunduran dalam pembangunan pendidikan.

Saya mulai bertugas di sekolah ini selepas menamatkan kursus asas mengajar dari sebuah maktab tempatan. Pertama kali saya menjejak kaki di sekolah ini ialah pada 1 Disember 1992. Ini bermakna saya telah berkhidmat di sekolah kesayangan saya

ini selama 13 tahun. Setelah saya menamatkan pengajian saya di universiti tempatan, minat saya terhadap sekolah yang mempunyai sejarah tersendiri ini tetap menebal. Agenda utama saya di sekolah ini masih belum selesai.

## **PEMERHATIAN SAYA**

Sejak mula masuk ke kelas Tahun Lima Wawasan pada tahun ini ( 03 Januari 2005), saya mendapati Tambuk amat lemah dalam mata pelajaran Matematik. Tambuk merupakan anak bongsu daripada lima orang adik-beradik. Bapanya sudah lama meninggal dunia. Ibunya merupakan ibu tunggal. Adik-beradiknya rata-rata menghadapi masalah dalam pembelajaran. Adakah adil kalau saya membuat rumusan bahawa Tambuk mempunyai IQ yang rendah? Di sekolah, Tambuk diterima mengikuti Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Tambuk merupakan seorang yang pendiam. Keadaan kebersihan pakaian seragam dan fizikal tubuh badannya kurang dititikberatkan. Pada awal pagi, keadaan kasutnya kelihatan putih bersih. Tetapi selepas waktu rehat, kasutnya dipenuhi dengan lumpur. Mula-mula saya merujuk Tambuk kepada Guru Hal-Ehwal Murid agar diberikan nasihat dan kaunseling. Saya amat berharap agar tindakan saya itu akan membuahkan hasil yang menakjubkan. Selang beberapa hari selepas Tambuk dirujuk kepada Guru HEM, penyakit lama Tambuk yang pengotor dan malas membuat kerja atau latihan Matematik kembali lagi. Ramai warga pendidik di SK Sitaged sudah muak dengan perangnya. Mereka tidak mengendahkan Tambuk semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan, malah tidak menyandarkan apa-apa harapan lagi terhadap insan kerdil bernama Tambuk. Nampaknya Tambuk telah menjadi mangsa arus pendidikan.

Pada suatu pagi, saya meminta Tambuk menghantar latihan Matematiknya. Setelah diperiksa, didapati Tambuk langsung tidak dapat membuat latihan tersebut seperti yang diarahkan. Lima soalan yang diberikan semua gagal dijawabnya dengan betul. Malah teknik yang digunakannya berbeza daripada teknik yang disarankan. Tambuk seolah-olah membuat kerjanya seperti melepaskan batuk di tangga sahaja. Daripada pemerhatian saya, saya dapat membuat kesimpulan bahawa Tambuk kurang disiplin sendiri dan menghadapi masalah tertunggak yang banyak dalam Matematik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian saya ini adalah bertujuan untuk membantu Tambuk membundar atau membulatkan nombor bulat kepada puluh, ratus, ribu, puluh ribu, ratus ribu, dan juta.

Selain itu, kajian ini dapat membantu saya mengubahsuai teknik pengajaran dan pembelajaran agar menjadi lebih baik dan berkesan supaya Tambuk dapat menguasai kemahiran asas dan menguatkan disiplin kendirinya.

## **PERANCANGAN**

Pada peringkat awalnya, saya telah melakukan suatu refleksi ke atas sikap serta amalan pengajaran saya sendiri sebelum ini. Saya banyak diperhambakan oleh rancangan pembelajaran yang disusun atur di awal sesi persekolahan. Tajuk pelajaran pula perlu habis diajar dalam tempoh waktu yang sudah dirancang yakni selama (1 -2 jam seminggu). Seterusnya saya mengajar tajuk yang lain pula pada minggu-minggu yang berikutnya. Ini menyebabkan murid yang bernama Tambuk gagal menguasai pelajaran yang sebelumnya. Kelemahan pengajaran dan pembelajaran berlaku kerana saya ingin mengejar masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran walhal keberkesannya meragukan.

Atas dasar simpati dan ingin menabur khidmat bakti, saya telah merangkakan satu program khas untuk membantu Tambuk menguasai kemahiran membundarkan nombor bulat kepada puluh, ratus, ribu, puluh ribu, ratus ribu dan juta. Saya mempunyai falsafah yang berbunyi “belakang parang kalau diasah lagikan tajam”. Mulai hari itu, saya menjadikan Tambuk sebagai anak angkat saya. Selepas saya mengajar dan memberi latihan kepada murid-murid yang lain, saya akan memanggil Tambuk ke hadapan kelas. Pada waktu terluang, saya akan mendampingiya untuk mendapatkan perkembangan selanjutnya. Saya membisikkan kata-kata perangsang kepadanya. Saya selalu mengajukannya dengan beberapa soalan seperti berikut.

*Cikgu:           Ada kamu makan sebelum turun ke sekolah?*

*Tambuk:       Tidak ada cikgu?*

*Cikgu:           Mengapa kamu tidak bersarapan pagi?*

Tambuk: Lambat bangun, cikgu. ( malu )  
 Cikgu: Ada kamu mandi pada waktu pagi?  
 Tambuk: Tidak ada cikgu.  
 Cikgu: Ada kamu belajar di rumah?  
 Tambuk: Tidak..... ( nada yang perlahan dan sedikit takut)  
 Cikgu: Mengapa kamu selalu tidak membuat kerja rumah?  
 Tambuk: Tidak pandai (jawabannya ringkas sahaja)  
 Cikgu : Kalau kamu berminat, cikgu akan tolong kamu  
 Tambuk: (diam sahaja tidak memberi apa-apa reaksi positif)

Selepas perbualan pendek dan ringkas itu, saya tidak terlalu mendesak Tambuk untuk melakukan perubahan yang drastic.

Langkah pertama yang saya ambil ialah menyediakan jadual waktu belajar dan senarai semak menghantar buku kerja atau latihan untuk kelas Tahun Lima Wawasan. Jadual 1 menunjukkan satu contoh senarai semak menghantar buku kerja atau latihan untuk bulan Februari dan didapati Tambuk tidak menghantar latihan atau buku kerja sebanyak 3 kali bagi bulan Februari.

Jadual 1: Senarai semak menghantar latihan atau buku kerja bulan Februari

Nama	15.1.2005	17.1. 2005	19.1. 2005	20.1. 2005	26.1. 2005
Tambuk	0	0	/	0	0
Sena	/	0	/	/	/
Tuai	/	/	/	0	/

Jadual 2 menunjukkan jadual waktu belajar persendirian di rumah yang direka oleh saya untuk membantu Tambuk menguruskan masanya dengan berfaedah. Ini juga adalah untuk membolehkan Tambuk mendapat manfaat daripada jadual waktu ini dan disiplin kendirinya dapat diperbaiki.

Jadual 2: Cadangan jadual waktu belajar persendirian di rumah

hari masa	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
3-4 ptg	Kerja rumah	Kerja rumah	Kerja rumah	Kerja rumah	Kerja rumah	Membaca
5-6 ptg	Riadah	riadah	Riadah	riadah	riadah	Riadah
7-9 malam	Belajar malam	Belajar malam	Belajar malam	Belajar malam	Belajar malam	Belajar malam

## PELAKSANAAN

Pada 17 Januari 2005 (Isnin), saya mengajar kemahiran membundarkan nombor bulat hingga satu juta. Contoh latihan bundarkan nombor kepada **puluh** yang terdekat adalah seperti berikut.

$$6\ 5\ 4\ 7 > \underline{\hspace{2cm}}$$

Tambuk menyalin bulat-bulat soalan tersebut. Jawapan yang sepatutnya ialah **6 5 5 0**. Jawapan yang diberi oleh Tambuk pula ialah **6 5 4 7**. Ini bermakna Tambuk tidak memahami kehendak soalan dan tidak memahami konsep membundarkan nombor. Untuk membantu Tambuk, pada 18 Januari 2005, saya menggunakan carta nilai tempat seperti berikut untuk membantu saya dalam sesi p&p saya.

Ribu	Ratus	Puluh	Sa
6	5	4	7

Tambuk disaran supaya menghafal nilai tempat iaitu sa, puluh, ratus, ribu, puluh ribu, ratus ribu hingga juta (tempoh masa tidak ditetapkan). Setiap kali topik ini diajar, saya akan menjemput Tambuk ke hadapan untuk menulis nilai tempat dan nilai digit nombor yang ingin dibundarkan. Apabila dia berjaya menulis nilai tempat dan nilai digit, rakan-rakan yang lain akan memberikan tepukan gemuruh. Sejak kejayaannya dihargai, Tambuk kini semakin yakin. Langkah-langkah seterusnya dikenal pasti agar dapat membantu Tambuk.

(1) Tambuk diminta membuat tanda [ | | ] mengikut arahan soalan. Contohnya, bundarkan 6547 kepada puluh yang terdekat. Jadi, Tambuk diminta untuk menandakan [ | | ] pada petak puluh.

$$6\ 5\ 4\ 7$$

(2) Tambuk diminta menandakan angka dengan simbol ( - )sebelum angka yang telah ditandai dengan simbol | | . Lihat contoh berikutnya.

$$6 \ 5 \ | \ 4 \ | \ \underline{7}$$

(3) Seterusnya, Tambuk diminta menukarkan angka yang berada sebelum angka yang ditandai ( \_ ) kepada sifar pada ruang jawapan .

$$6 \ 5 \ | \ 4 \ | \ \underline{7}$$

(4) Tambuk harus memastikan bahawa angka yang ditandakan [ | | ] akan kekal nilainya sekiranya angka sebelumnya ialah 0, 1, 2, 3, 4. Sekiranya angka sebelumnya ialah 5, 6, 7, 8, dan 9, maka angka yang ditandai [ | | ] harus ditambah dengan 1. Tambuk harus melakukan seperti yang di bawah ini:

$$\begin{array}{r} 1. \quad 6 \ 5 \ | \ 4 \ | \ \underline{4} \\ \hline 6 \ 5 \ 4 \ 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 2. \quad 6 \ 5 \ | \ ^1 4 \ | \ \underline{7} \\ \hline 6 \ 5 \ 5 \ 0 \end{array}$$

Tambuk juga mengalami kelemahan dalam operasi tambah yang melibatkan pengumpulan semula. Apabila membundarkan nombor, dia kadang-kala tidak mengumpul semula menyebabkan jawapannya salah. Salah satu dari contoh jawapan yang diberi oleh Tambuk adalah seperti berikut.

$$\begin{array}{r} 6 \ 7 \ | \ ^1 9 \ | \ 6 \\ \hline 6 \ 7 \ 10 \ 6 \end{array}$$

Untuk mengatasi masalah tersebut, saya telah menggunakan blok nombor 1 dan 0. Apabila  $9 + 1 = 10$ , maka 0 ditulis dalam petak puluh dan 1 perlu dikumpul semula

dengan angka di petak ratus. Jawapan Tambuk sepatutnya 6800 dan bukannya 67100 seperti yang diberikan oleh Tambuk pada peringkat awal.

$$\begin{array}{r} 6 \ 17 \ | \ 19 \ | \ 6 \\ \hline 6 \ 8 \ 0 \ 0 \end{array}$$

## REFLEKSI

Kesimpulannya, Tambuk telah berjaya mengikuti program yang telah direka khas untuknya. Dia telah menguasai kemahiran membundarkan nombor bulat hingga satu juta. Berkat kesabaran semua pihak, Tambuk telah mulai mengecapi kejayaan yang belum pernah dikecapinya. Tambuk telah diberi tepukan oleh rakan-rakannya sebagai menghargai kejayaannya. Keyakinan Tambuk terhadap mata pelajaran yang paling dibencinya telah meningkat. Sekarang dia amat suka akan mata pelajaran Matematik. Bak kata orang “ Kalau Tak Kenal, Maka Tak Cinta ”.

Harapan saya agar Tambuk akan terus menaruh minat dan seterusnya usaha gigihnya akan mengamit kejayaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Tambuk merupakan seorang yang tahu berterima kasih di atas ilmu yang dicurahkan kepadanya. Tok Guru dihadihkannya dengan senyuman kepuasan dan beras baru. Syukurlah masalah Tambuk sedikit sebanyak telah dapat diselesaikan. Namun ini tidak bererti agenda utama saya telah selesai. Masalah Tambuk yang lama tertunggak perlu terus dicari penyelesaiannya dan diungkai satu per satu. Harapan saya agar Tambuk terus berminat dan rajin berusaha memperbaiki kelemahan diri. Kalaulah konsistensi diri Tambuk dapat dikekalkan, tidak keterlaluan kalau dinyatakan bahawa Tambuk boleh berjaya.

SANTAPAN MINDA:

*“ AKU BENCI TIAP MINIT SEPANJANG LATIHAN, TETAPI AKU BERITAHU DIRI SENDIRI, JANGAN BERPUTUS ASA, BIAR SEKSA SEKARANG, KELAK KAMU AKAN HIDUP SEBAGAI JUARA ”*

*Muhammad ALI*

## **BIBLIOGRAFI**

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Penyelidikan Tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.